

5 pelajar USIM masih dirawat di Hospital Selayang

SEREMBAN 29 Sept. - Pengurusan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Nilai dekat sini, melahirkan rasa sedih dan dukacita berikutan kemalangan bas yang membawa sekumpulan pelajar universiti itu di Jalan Sungai Tua, Ulu Yam, Selangor, semalam.

Pusat Komunikasi Strategik USIM memberitahu, sehingga pukul 8 pagi ini, lima pelajar masih menerima rawatan di Hospital Selayang, Selangor, bersama dua orang pemandu bas universiti berkenaan.

"Pelajar USIM dalam perjalanan pulang ke kampus induk di Nilai selepas mengikuti Kursus Pengurusan Kelab Debat bertempat di Rimba Kalong Eco Resort, Ulu Yam yang bermula Jumaat lalu dan berakhir semalam.

"Bas yang dinaiki oleh 24 orang pelajar ini terbabas ke bahu jalan semasa melalui Jalan Sungai Tua kira-kira pukul 6.30 petang selepas menuruni bukit menyebabkan beberapa penumpang dan pemandu mengalami kecederaan pelbagai

tahap," kata pusat itu dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Kata kenyataan itu, kesemua pelajar dan pemandu bas yang berada di hospital berkenaan kini dilaporkan stabil manakala 19 pelajar lain telah pun menerima rawatan sebagai pesakit luar di hospital sama dan dibenarkan pulang semalam.

Menurutnya, setelah dimaklumkan mengenai kemalangan berkenaan, pihak universiti telah mengambil tindakan penyelarasan dengan pelbagai jabatan khususnya Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Unit Kesihatan Pelajar untuk memastikan kebajikan pelajar yang terlibat diberi perhatian.

Tambah kenyataan itu, pihak universiti juga telah berhubung dengan ibu bapa pelajar yang terbabit bagi memastikan mereka mendapat maklumat terkini mengenai anak mereka.

"Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Datuk Dr. Mohamed Asin Dollah

dan Pendaftar Universiti, Muhammad Haizuan Rozali sudah berada di hospital berkenaan malam tadi bagi membantu mangsa dan keluarga yang datang.

"Universiti juga telah menyediakan pegawai perubatan USIM untuk rawatan lanjutan kepada pelajar yang dibenarkan pulang ke kampus bagi memastikan mereka dalam keadaan sihat," tegas kenyataan itu.

Sehubungan itu katanya, USIM mengucapkan terima kasih kepada semua pihak terutama pasukan perubatan Hospital Selayang, Jabatan Bomba dan Penyelamat, polis dan orang ramai yang membantu mangsa kemalangan di lokasi kejadian sehinggalah mereka menerima rawatan.

"USIM menyerahkan kepada pihak berkuasa untuk menentukan punca sebenar ini dan tindakan susulan akan diambil oleh universiti setelah siasatan oleh pihak polis selesai bagi memastikan kejadian seperti ini tidak berulang di masa hadapan," katanya.



NAIB Canselor USIM, Profesor Datuk Dr. Musa Ahmad (tengah) melihat keadaan pelajar, Farazeen Ilyas semasa melawat lima pelajar USIM yang terlibat kemalangan di Hospital Selayang, semalam. - IHSAN USIM